| **RISALAH PENDEDAHAN PRODUK** | **Hong Leong Assurance Berhad** |
|---|---|
| **Baca Risalah Pendedahan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk mengambil *Hong Leong SMART5 Flexi Insurance*. Pastikan anda juga membaca terma dan syarat am.** | **Hong Leong SMART5 Flexi Insurance**<br>**<<system date>>** |

Nota Penting: Produk ini ditanggung jamin oleh Hong Leong Assurance Berhad, penanggung insurans dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawalselia oleh Bank Negara Malaysia.

**1. Apakah produk ini?**

- Ini ialah pelan berkaitan pelaburan dengan tempoh bayaran premium lima (5) tahun dan tempoh polisi ialah dua puluh lima (25) tahun.
- Perlindungan insurans yang disediakan adalah Kematian sahaja.
- Untuk memaksimumkan nilai pelaburan anda, jumlah premium akaun asas anda akan diagihkan kepada 30% bagi premium pelan asas dan 70% bagi premium tambahan berkala (digabungkan dengan pelan asas). Anda boleh memaksimumkan nilai tunai anda dengan meningkatkan premium tambahan berkala anda.
- Nilai polisi bagi polisi ini akan berubah secara langsung dengan prestasi dana-dana unit.

**Harap Maklum**: Caj-caj insurans anda (ditolak daripada nilai akaun) akan meningkat dengan peningkatan usia anda. Pada tahun terkemudian, nilai akaun terkumpul mungkin tidak cukup untuk membayar caj-caj insurans dan yuran polisi anda kerana pulangan pelaburan yang kurang memuaskan atau pengeluaran, yang boleh menyebabkan polisi anda diluputkan. Anda mungkin perlu menambah premium anda atau mengurangkan pengeluaran anda (jika berkenaan), jika anda ingin mengekalkan polisi insurans anda.

**2. Apakah faedah yang disediakan?**

**A) Pelan Asas**
Jumlah Diinsuranskan untuk pelan ini adalah RM <<Sum Assured>> dan tempoh perlindungan ialah dua puluh lima (25) tahun atau ketika penamatan, yang mana berlaku dahulu.

**<u>Faedah Kematian</u>**
Apabila berlaku kematian Hayat Diinsuranskan, Faedah kematian yang dibayar adalah yang mana lebih tinggi, antara Jumlah Asas Diinsuranskan atau Nilai Akaun pada Tarikh Penilaian Seterusnya sejurus selepas tarikh notifikasi kematian. Jumlah Asas Diinsuranskan akan dikurangkan dengan amaun pengeluaran separa.

**<u>Peruntukan untuk Juvenil</u>**
Sekiranya dalam kejadian kematian Hayat Diinsuranskan sebelum umur lima (5), Jumlah Asas Diinsuranskan akan dikurangkan seperti berikut:

| Umur pada kematian (Harijadi Lepas) | Peratus Jumlah Asas Diinsuranskan akan dibayar |
|---|---|
| 30 hari – 1 tahun | 20% |
| 2 tahun | 40% |
| 3 tahun | 60% |
| 4 tahun | 80% |

**<u>Faedah Kematangan</u>**
Jika Hayat Diinsuranskan masih hidup pada akhir tempoh polisi, Faedah Kematangan bersamaan dengan Nilai Akaun akan dibayar.

**B) Rider yang Dilampirkan** << show only when rider is attached >>

| Rider | Jumlah Diinsuranskan / Faedah | Tempoh Perlindungan | Hayat Diinsuranskan | Huraian Faedah |
|---|---|---|---|---|
| Critical Illness Waiver of Premium Rider (<<>>%) | <<Rider Sum Assured>> (<<Payment Mode>>) | <<Rider Term>> | Hayat Diinsuranskan | Jumlah rider diinsuranskan akan dibayar untuk mengurangkan premium masa hadapan sehingga tarikh tamat tempoh rider, penamatan pelan asas ini atau kematian Hayat yang Diinsuranskan, yang mana-mana yang terdahulu, setelah didiagnosis dengan mana-mana 48 penyakit kritikal.<br><br>Sebanyak 48 penyakit kritikal berikut dilindungi:<br><br>1. Strok<br>2. Serangan Jantung<br>3. Kegagalan Ginjal<br>4. Kanser<br>5. Pembedahan Pintasan Arteri Koronari<br>6. Penyakit Arteri Koronari Serius<br>7. Angioplasti dan Lain-Lain Rawatan Invasif Untuk Penyakit Arteri Koronari<br>8. Kegagalan Hati Tahap Akhir<br>9. Hepatitis Virus Fulminan<br>10. Koma<br>11. Tumor Otak Benigna<br>12. Kelumpuhan Anggota Badan<br>13. Buta<br>14. Pekak<br>15. Terbakar Darjah Ketiga<br>16. Penyakit Paru-Paru Tahap Akhir<br>17. Ensefalitis<br>18. Pemindahan Organ Utama/Sumsum Tulang<br>19. Hilang Pertuturan<br>20. Pembedahan Otak<br>21. Pembedahan Injap Jantung<br>22. Kehilangan Upaya Hidup Berdikari<br>23. Jangkitan HIV Akibat Transfusi Darah<br>24. Meningitis Bakteria<br>25. Trauma Kepala Utama<br>26. Anemia Aplastik Kronik<br>27. Penyakit Neuron Motor<br>28. Penyakit Parkinson<br>29. Penyakit Alzheimer/Dementia Teruk<br>30. Distrofi Otot<br>31. Pembedahan Aorta<br>32. Sklerosis Berbilang<br>33. Hipertensi Arteri Pulmonari Primer<br>34. Penyakit Sista Medulari<br>35. Kardiomiopati<br>36. Lupus Eritematosus Sistematik Dengan Komplikasi Buah Pinggang Teruk<br>37. Jangkitan Virus Kurang Daya Tahan Penyakit (HIV) Disebabkan Pekerjaan<br>38. AIDS peringkat Teruk<br>39. Penyakit Terminal<br>40. Sindrom Apalik<br>41. Pankreatitis Berulangan Kronik<br>42. Penyakit Creutzfeldt-Jakob (Penyakit Lembu Gila)<br>43. Elephantiasis<br>44. Poliomielitis<br>45. Scleroderma Progresif<br>46. Hepatitis Autoimun Kronik<br>47. Sindrom Eisenmenger Teruk<br>48. Demam Hemoragik Ebola<br><br>Bagi Angioplasti Dan Rawatan Invasif Lain Untuk Penyakit Arteri Koronari Utama, bayaran adalah terhad kepada 10% daripada perlindungan Penyakit Kritikal di bawah rider ini tertakluk pada jumlah maksimum sebanyak RM25,000. Faedah ini hanya berbayar sekali sahaja dan akan ditolak daripada perlindungan rider ini, seterusnya akan mengurangkan faedah yang akan dibayar ketika kejadian Penyakit Kritikal.<br><br>Nota: Sila rujuk kepada kontrak polisi untuk definisi tepat setiap Penyakit Kritikal. |
| Disability Lump Sum Rider | <<Rider Sum Assured>> | <<Rider Term>> | Hayat Diinsuranskan | <<Rider Sum Assured>> akan dibayar setelah Hayat Diinsuranskan mengalami TPD (sebelum mencapai umur 65 tahun).<br><br>Peruntukan untuk Juvenil akan diaplikasikan. |

<table>
<tr><td></td><td></td><td></td><td></td><td>Faedah TPD akan dibayar mengikut peruntukan untuk Had Faedah TPD setiap Hayat bagi TPD sebelum umur tercapai 16.<br><br>Peruntukan untuk Had Faedah TPD bagi setiap Hayat<br><table><tr><th>Umur Tercapai Ketika Mengalami TPD</th><th>Had faedah TPD setiap Hayat</th></tr><tr><td>Kurang daripada 7</td><td>RM 100,000</td></tr><tr><td>7 sehingga kurang daripada 15</td><td>RM 500,000</td></tr></table><br>Jumlah Faedah TPD setiap Hayat yang dibayar bagi semua polisi yang menginsuranskan Hayat yang Diinsuranskan tidak akan melebihi Had Faedah TPD setiap Hayat seperti yang dinyatakan di atas. Jumlah Faedah TPD setiap Hayat merujuk kepada perlindungan TPD bagi semua polisi yang berkuat kuasa atas setiap Hayat yang Diinsuranskan ketika tuntutan dibuat selepas Peruntukan untuk Juvenil diaplikasikan.</td></tr>
<tr><td>TPD Waiver of Premium Rider (<<>>%)</td><td><<Rider Sum Assured>> (<<Payment Mode>>)</td><td><<Rider Term>></td><td>Hayat Diinsuranskan</td><td>Jumlah rider diinsuranskan akan dibayar untuk mengurangkan premium masa depan sehingga tarikh tamat tempoh rider, penamatan pelan asas ini atau kematian Hayat yang Diinsuranskan, yang mana-mana yang terdahulu, setelah mengalami TPD (sebelum mencapai umur 65 tahun)/ OAD (selepas mencapai umur 65 tahun) dalam tempoh diinsuranskan.</td></tr>
</table>

Nota: Caj Insurans untuk rider adalah tidak terjamin dan tertakluk kepada semakan semula Syarikat pada bila-bila masa dan dari semasa ke semasa dengan memberikan notis bertulis sekurang-kurangnya 90 hari kepada anda.

**Peringatan**: Sila baca Ilustrasi Produk dan Helaian Fakta Dana, yang mengandungi faedah-faedah produk dan objektif-objektif dana berkaitan pelaburan. Anda mestilah memilih pelan atau gabungan dana yang sesuai dengan matlamat kewangan dan profil risiko anda.

**3. Berapakah premium yang perlu saya bayar?**

Jumlah premium yang perlu anda bayar berbeza mengikut kriteria penanggungjaminan dan penilaian risiko kami.

Anggaran premium yang perlu anda bayar adalah seperti berikut: << show premium payable for all attaching rider(s), only when rider(s) is/are attached >>

| Pelan/Rider | Jenis | Hayat-hayat Diinsuranskan | Premium Perlu Dibayar <<Payment Mode>> (RM) |
|---|---|---|---|
| Hong Leong SMART5 Flexi Insurance<br>- Basic Premium<br>- Regular Top Up (bundled with basic) | Pelan Asas | Hayat Diinsuranskan | << basic premium>> |
| Critical Illness Waiver of Premium Rider (<<>>%) | Rider Potongan Unit | Hayat Diinsuranskan | <<rider premium>> |
| Disability Lump Sum Rider [1] | Rider Potongan Unit | Hayat Diinsuranskan | <<rider premium>> |
| TPD Waiver of Premium Rider (<<>>%) | Rider Potongan Unit | Hayat Diinsuranskan | <<rider premium>> |
| **Jumlah** | | | <<total annual premium >> |

[1] Rider ini menyediakan Faedah TPD.

Tempoh Premium:

| Pelan/Rider | Premium dibayar berdasarkan umur Hayat Diinsuranskan pada awal tahun polisi |
|---|---|
| Hong Leong SMART5 Flexi Insurance | Sehingga <<Life Assured's Entry Age + Premium Payment Term - 1>> |


Level 3, Tower B, PJ City Development, No. 15A, Jalan 219, Seksyen 51A, 46100 Petaling Jaya, Selangor, P.O. Box 120, 46710 Petaling Jaya
Tel: 03-7650 1818 Fax: 03-7650 1991 Website: www.hla.com.my

Syarikat insurans memperuntukkan sebahagian premium asas untuk membeli unit dalam dana berkaitan pelaburan yang anda pilih. Sebarang amaun yang tidak diperuntukkan daripada premium anda akan digunakan untuk membayar kos pengagihan langsung dan perbelanjaan syarikat insurans. Anda dinasihatkan supaya merujuk kepada kadar peruntukan yang diberikan dalam Ilustrasi Produk.

Ia adalah penting bahawa anda menerima dan menyimpan resit anda sebagai bukti pembayaran premium.

**4. Apakah yuran dan bayaran yang perlu saya bayar?**

Caj insurans dan yuran polisi sebanyak RM8 setiap bulan akan ditolak secara bulanan dari nilai unit anda. Secara umumnya, caj-caj insurans akan meningkat apabila anda semakin tua. Penyerahan polisi dan pengeluaran separa akan dikenakan caj. Butir-butir caj insurans dan caj-caj lain bagi polisi berkaitan pelaburan anda, telah diberikan dalam Ilustrasi Produk.

Caj insurans dan caj-caj lain yang diilustrasikan adalah berdasarkan tahap semasa. Kadar caj insurans dan caj-caj lain adalah tidak terjamin dan mungkin diubah dari semasa ke semasa dengan memberi notis tiga (3) bulan kepada Pemunya Polisi.

Premium dan sebarang pelaburan semula daripada tuntutan atau faedah yang dibayar, jika berkenaan, untuk polisi yang diperuntukkan kepada organisasi perniagaan akan tertakluk kepada 8% cukai perkhidmatan.

**5. Apakah antara terma dan syarat utama yang perlu saya ketahui?**

- Kepentingan pendedahan – anda mestilah mendedahkan semua fakta penting seperti keadaan perubatan dan menyatakan umur anda yang sebenar.
- Tempoh bertenang – anda boleh membatalkan polisi anda dengan mengembalikan polisi dalam tempoh lima belas (15) hari dari tarikh penghantaran polisi. HLA akan membayar balik kepada anda premium yang tidak diperuntukkan, nilai unit yang telah diperuntukkan (jika ada) pada harga unit pada tarikh penilaian berikutnya, apa-apa bayaran insurans, yuran polisi bulanan dan sebarang cukai yang berkenaan yang telah ditolak setelah menolak perbelanjaan perubatan yang mungkin telah dikenakan.
- Bayaran premium yang tidak dilakukan dalam masa tiga puluh (30) hari dari tarikh premium perlu dibayar akan menyebabkan penyerahan polisi secara automatik dan Nilai Penyerahan akan dibayar.
- Nilai tunai - nilai tunai polisi berkaitan unit bergantung pada prestasi dana berkaitan unit yang dipilih. Tahap perlindungan insurans yang dipilih semakin tinggi, semakin banyak unit akan diserap untuk membuat bayaran insurans dan semakin kurang unit yang tinggal untuk mengumpul nilai tunai di bawah polisi anda.
- Polisi luput – Polisi akan luput apabila nilai bagi unit pelaburan adalah tidak mencukupi untuk membayar caj insurans dan caj lain. Walau bagaimanapun, anda diberi tiga puluh (30) hari tempoh tangguh untuk bayaran premium.
- Anda harus memastikan bahawa pelan ini memenuhi keperluan anda dan anda mampu membayar premium.
- Terdapat peruntukan untuk penamaan dan penyerahan hak. Dimaklumkan bahawa penama perlu dilantik dan pastikan penama mengetahui tentang polisi yang anda beli.
- Semua permohonan adalah tertakluk kepada kelulusan penanggungjaminan.

Nota: Senarai ini tidak lengkap. Sila rujuk kontrak polisi untuk mendapatkan terma dan syarat di bawah polisi ini.

**6. Apakah pengecualian utama di bawah polisi ini?**
**A) Pelan Asas**

**Faedah Kematian**
Sekiranya Hayat Diinsuranskan secara waras atau tidak waras, membunuh diri dalam tempoh dua belas (12) bulan dari Tarikh Penerbitan, Tarikh Pindaan Efektif atau Tarikh Pengembalian Semula, yang mana terkemudian, polisi akan jadi tidak sah. Faedah kematian tidak akan dibayar dan Syarikat hanya akan membayar balik premium yang tidak diperuntukkan, nilai unit yang telah diperuntukkan (jika ada) pada harga seunit pada tarikh penilaian seterusnya, sebarang caj insurans, yuran polisi, dan apa-apa cukai yang dikenakan tolak apa-apa yuran perubatan yang ditanggung dan faedah yang dibayar.

**B) Rider yang Dilampirkan** <<show exclusions for all attaching rider(s), only when rider(s) is/are attached>>

| Rider | Hayat-hayat Diinsuranskan | Pengecualian |
|---|---|---|
| Critical Illness Waiver of Premium Rider (<<>>%) | Hayat Diinsuranskan | Tiada manfaat penyakit kritikal akan dibayar sekiranya berkenaan dengan mana-mana satu daripada sebab-sebab berikut:<br>(a) Tanda-tanda atau gejala-gejala Penyakit Kritikal dimanifestasikan sebelum atau:<br>A. dalam enam puluh (60) hari dari Tarikh Penerbitan, Tarikh Pindaan Efektif atau pada sebarang Tarikh Pengembalian Semula, yang mana terkemudian: |

| | | |
|---|---|---|
| | | (i) Angioplasti dan lain-lain rawatan invasif untuk penyakit arteri koronari;<br>(ii) Kanser;<br>(iii) Pembedahan Pintasan Arteri Koronari;<br>(iv) Serangan jantung; atau<br>(v) Penyakit arteri koronori serius; atau<br>B. dalam tiga puluh (30) hari dari Tarikh Penerbitan, Tarikh Pindaan Efektif atau pada sebarang Tarikh Pengembalian Semula, yang mana terkemudian berkenaan dengan semua Penyakit Kritikal lain yang tidak dinyatakan dalam Perkara A di atas;<br>(b) Penyakit Pra-wujud;<br>(c) Sebarang Penyakit Kritikal, di mana pada pendapat tunggal dan mutlak Syarikat, adalah disebabkan secara langsung atau tidak langsung oleh kewujudan Sindrom Kurang Daya Tahan Penyakit (AIDS) atau kehadiran sebarang jangkitan Virus Imunodifisiensi Manusia (HIV). Kami berhak untuk menghendaki orang yang diinsuranskan menjalani ujian darah untuk mengesan kehadiran sebarang jangkitan HIV sebagai syarat duluan sebelum menerima apa-apa tuntutan. Pengecualian adalah apabila jangkitan HIV Akibat Transfusi Darah, Jangkitan Virus Kurang Daya Tahan Penyakit (HIV) Disebabkan Pekerjaan atau AIDS peringkat Teruk sebagaimana yang ditakrifkan dalam Rider ini. Bagi tujuan Rider ini,<br>(i) definisi AIDS hendaklah sebagaimana yang digunakan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia pada 1987, atau apa-apa semakan selepas itu oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia untuk definisi tersebut; dan<br>(ii) jangkitan hendaklah dianggap terjadi apabila darah atau ujian lain yang berkaitan menunjukkan pada pendapat tunggal dan mutlak Syarikat sama ada kehadiran sebarang jangkitan Virus Imunodifisiensi Manusia atau Antibodi untuk virus sedemikian.<br>(d) Sebarang Penyakit Kritikal didiagnosis, sama ada secara langsung atau tidak langsung, disebabkan oleh kecacatan kongenital atau penyakit, yang telah dimanifestasikan atau didiagnosis sebelum Hayat Diinsuranskan mencapai tujuh belas (17) tahun;<br>(e) Sebarang Penyakit Kritikal disebabkan oleh kecederaan diri sendiri yang disengajakan, ketika siuman atau tidak siuman;<br>(f) Sebarang keadaan yang disebabkan secara langsung daripada alkohol atau penyalahgunaan dadah;<br>(g) Kematian Hayat Diinsuranskan dalam tempoh dua puluh lapan (28) hari selepas tarikh diagnosis sebarang Penyakit Kritikal<br><br>Sila rujuk kepada kontrak polisi untuk definisi tepat setiap penyakit kritikal. |
| Disability Lump Sum Rider | Hayat Diinsuranskan | **<u>Faedah Hilang Upaya Menyeluruh & Kekal (TPD)</u>**<br>Polisi ini tidak akan melindungi Hilang Upaya Menyeluruh & Kekal yang berpunca secara langsung atau tidak langsung;<br>- daripada sebarang kecederaan anggota badan yang disengajakan ketika siuman atau tidak siuman;<br>- daripada penerbangan di dalam pesawat udara (kecuali sebagai anak kapal, atau sebagai penumpang biasa yang membayar tambang, dalam mana-mana penerbangan komersil berjadual tetap); atau<br>- daripada apa jua perkara ketika berkhidmat sebagai anggota dalam angkatan bersenjata, polis dan angkatan separa tentera disebabkan oleh perang yang diisytiharkan atau tidak diisytiharkan, rusuhan atau kekecohan awam.<br><br>Polisi ini tidak akan membayar apa-apa manfaat TPD jika kecacatan yang menyebabkan tuntutan Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal wujud pada Tarikh Penyertaan, Tarikh Pindaan Efektif atau Tarikh Pengembalian Semula, mengikut mana-mana yang terkemudian. |
| TPD Waiver of Premium Rider (<<>>%) | Hayat Diinsuranskan | Rider ini tidak melindungi kejadian berikut:<br>(a) Jika kecacatan yang menyebabkan tuntutan Hilang Upaya Menyeluruh & Kekal wujud pada Tarikh Penyertaan, Tarikh Pindaan Efektif atau Tarikh Pengembalian Semula, mengikut mana-mana yang terkemudian.<br>(b) Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal/ Hilang Upaya Masa Tua yang berpunca secara langsung atau tidak langsung:<br>- daripada sebarang kecederaan anggota badan yang disengajakan ketika siuman atau tidak siuman;<br>- daripada penerbangan di dalam pesawat udara (kecuali sebagai anak kapal, atau sebagai penumpang biasa yang membayar tambang, dalam mana-mana penerbangan komersil berjadual tetap); atau<br>- daripada apa jua perkara ketika berkhidmat dalam angkatan bersenjata, polis dan angkatan separa tentera disebabkan oleh perang yang diisytiharkan atau tidak diisytiharkan, rusuhan atau kekecohan awam. |

Nota: Senarai ini tidak lengkap. Sila rujuk kontrak polisi untuk mendapatkan senarai penuh pengecualian di bawah polisi ini.

**7. Bolehkah saya membatalkan polisi saya?**

**Pelan Asas**

Membeli polisi berkaitan unit premium tunggal adalah komitmen kewangan jangka panjang. Anda dinasihatkan supaya tidak memegang polisi ini untuk jangka pendek memandangkan kos permulaan tinggi. Jika polisi ini ditamatkan awal, anda mungkin akan mendapat amaun yang kurang daripada amaun premium dibayar. Sekiranya anda mendapati bahawa dana yang dipilih itu tidak lagi sesuai, anda diberikan kelonggaran untuk membuat pertukaran dana tanpa apa-apa yuran.

**Rider yang Dilampirkan** <<show only when rider(s) is/are attached>>

| Rider | Hak Pembatalan |
|---|---|
| Critical Illness Waiver of Premium Rider (<<>>%) | Anda boleh menamatkan rider ini sebelum tempoh matang dengan memberi notis bertulis kepada Syarikat. |
| Disability Lump Sum Rider | Anda boleh menamatkan rider ini sebelum tempoh matang dengan memberi notis bertulis kepada Syarikat. |
| TPD Waiver of Premium Rider (<<>>%) | Anda boleh menamatkan rider ini sebelum tempoh matang dengan memberi notis bertulis kepada Syarikat. |

**8. Apakah yang perlu saya lakukan jika saya bertukar alamat dan nombor telefon?**

Adalah penting untuk anda memaklumkan kepada kami tentang sebarang perubahan butiran perhubungan anda (termasuk butiran bagi penama dan/atau pemegang amanah) bagi memastikan semua urusan surat-menyurat sampai kepada anda dan/atau penama/pemegang amanah anda tepat pada masanya.

**9. Di manakah boleh saya dapatkan maklumat lanjut?**

Sekiranya anda memerlukan maklumat lanjut tentang insurans berkaitan pelaburan, sila rujuk buku panduan *insuranceinfo* tentang 'Insurans Berkaitan Pelaburan', yang disediakan di semua cawangan kami atau anda boleh mendapatkan senaskhah daripada ejen/ kakitangan bank.

Sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan, sila hubungi kami di:

**Hong Leong Assurance Berhad**
**Level 3, Tower B, PJ City Development**
**No 15A, Jalan 219, Seksyen 51A**
**46100 Petaling Jaya, Selangor**
**P.O.Box 120, 46710 Petaling Jaya**

**Pengantara:**
**Hong Leong Bank Berhad**
**Level 1, Menara Hong Leong**
**No. 6, Jalan Damanlela**
**Bukit Damansara**
**50490 Kuala Lumpur**

**Tel: 03-7650 1288**
**Faks:03-7650 1299**
Laman Web: www.hla.com.my

**10. Jenis perlindungan lain seumpamanya yang disediakan**

Sila rujuk ejen/ kakitangan bank kami untuk mengetahui jenis perlindungan lain seumpamanya yang disediakan.

**NOTA PENTING:**

**INI MERUPAKAN SUATU PRODUK INSURANS YANG TERIKAT DENGAN PRESTASI ASET DASAR, DAN BUKAN SUATU PRODUK PELABURAN TULEN SEPERTI AMANAH SAHAM. ANDA MESTILAH MENILAI PILIHAN ANDA DENGAN TELITI DAN ANDA BERPUAS HATI BAHAWA PELAN BERKAITAN PELABURAN YANG DIPILIH SESUAI DENGAN TAHAP RISIKO ANDA, DAN ANDA BERUPAYA MEMBAYAR PREMIUM SEPANJANG TEMPOH PEMBAYARAN PREMIUM. BAGI MENINGKATKAN NILAI PELABURAN PADA BILA-BILA MASA, ANDA DINASIHATKAN UNTUK MEMBAYAR TAMBAHAN PREMIUM SEBAGAI 'TAMBAHAN'. PULANGAN BAGI DANA BERKAITAN PELABURAN ADALAH TIDAK TERJAMIN.**

Maklumat yang disediakan dalam risalah pendedahan ini adalah sah setakat <<system date>>



Level 3, Tower B, PJ City Development, No. 15A, Jalan 219, Seksyen 51A, 46100 Petaling Jaya, Selangor, P.O. Box 120, 46710 Petaling Jaya

Tel: 03-7650 1818 Fax: 03-7650 1991 Website: www.hla.com.my

**Panduan Perkhidmatan - Perkhidmatan Kami Kepada Anda**

**Bank menawarkan pelbagai produk insurans Hong Leong Assurance melalui cawangannya di seluruh negara. Jika anda ingin membeli produk insurans hayat daripada Jurubank Peribadi/Wakil Bank kami, anda boleh menikmati perkhidmatan nilai tambahan berikut:**

| Sebelum Anda Membeli Polisi | Apabila Anda Membuat Keputusan untuk Membeli Polisi | Semasa Tempoh Polisi |
|---|---|---|
| **Membantu Anda Memilih Pelan Insurans Yang Sesuai**<br>* **Meneliti kandungan Borang Pencarian Fakta Pelanggan dengan anda untuk lebih memahami keperluan insurans dan matlamat kewangan anda.**<br>* Mencadangkan pelan insurans yang sesuai selepas menilai keperluan anda.<br>**Menerangkan Ciri-Ciri Produk**<br>* Menerangkan ciri-ciri produk, manfaat yang dibayar, pengecualian, premium dan caj-caj.<br>* Menyediakan Risalah Pendedahan Produk, untuk membantu anda membuat keputusan yang tepat dan untuk memudahkan perbandingan produk. | **Membantu Anda Dengan Permohonan Polisi**<br>* Menerangkan kepentingan menjawab soalan-soalan di dalam borang permohonan dengan lengkap dan tepat.<br>* Menghantar permohonan untuk proses pengunderaitan selepas anda menandatangani borang permohonan.<br>* Mengatur untuk pemeriksaan kesihatan di salah satu daripada klinik panel kami, jika diperlukan.<br>* Memberi maklumat dan memaklumkan kepentingan membuat penamaan untuk memastikan manfaat yang perlu dibayar akan diterima oleh benefisiari anda sekiranya berlaku kematian.<br>**Menerangkan Terma Dan Syarat Polisi**<br>* Dokumen polisi anda akan dihantar kepada anda (melalui serahan tangan, pos atau secara elektronik) dalam masa 7 hari dari tarikh polisi dikeluarkan.<br>* Meneliti kandungan terma-terma dan syarat-syarat polisi untuk memastikan pelan yang dibeli sesuai dengan keperluan anda. | **Perkhidmatan Polisi Yang Berterusan**<br>* Membantu dalam mengemukakan permintaan perkhidmatan anda kepada Hong Leong Assurance Berhad, cth. pengubahsuaian polisi, pertukaran alamat dan kekerapan pembayaran premium.<br>**Membantu Anda Membuat Tuntutan**<br>* Membantu untuk mengemukakan borang tuntutan dan dokumen kepada Hong Leong Assurance Berhad. |

Portal Pelanggan

**Sila layari sesawang korporat Hong Leong Assurance Berhad di https://www.hla.com.my. Apabila anda berada di sesawang tersebut, sila klik pada banner HLA360° untuk akses dalam talian kepada maklumat polisi anda.**

Jika anda memerlukan maklumat lanjut atau bantuan daripada Hong Leong Assurance Berhad, sila hubungi Hong Leong Assurance Berhad di 03-7650 1288 atau e-mel Hong Leong Assurance Berhad di customerservice@hla.hongleong.com.my.